
Imam Al-Nawawi dan Syarh Sahih Muslim: Satu Kajian Sifat-Sifat Allah

Abdulhadee Sabuding¹

Mohd Radzi Bin Othman²

Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji riwayat hidup imām al-Nawawī, mengenal pasti alirannya mengenai sifat-sifat Allah, metodologi dalam menghuraikan hadīth-hadīth sifat dalam kitab Syarh Sahih Muslim. Kajian ini adalah kajian kepustakaan dengan mengumpulkan data-data daripada sumber primer dan sekunder. Analisis data berbentuk deskriptif dengan menggunakan dua kaedah utama iaitu kaedah deduktif dan induktif.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa Imām al-Nawawī adalah salah seorang ulamā' bermazhab al-Asyāfi'iy dari segi *fiqh* dan *Asy'ari* di segi 'aqidah. Beliau lebih dikenali oleh masyarakat Islām sebagai ulamā' hadīth, disebabkan beliau mempunyai ilmu mendalam dan kepakaran dalam beberapa bidang seperti: Mustalah, Lughah dan Tarājim. Beliau juga banyak menghasilkan karya ilmiah dalam berbagai bidang terutama Syarh Sahih Muslim. Beliau menghuraikan hadīth-hadīth sifat mengenai 'aqidah berdasarkan metode campuran dua aliran iaitu salaf dan khalaf tetapi dengan memberi penekanan kepada aliran khalaf. Beliau kemukakan nas - nas yang dipetik dari rujukan aliran khalaf secara khusus terutama al-Māziriyy dan al-Qādī 'Iyād tanpa sebarang komen. Terdapat beberapa fakta yang mendorong beliau beraliran khalaf yang paling penting ialah peranan madrasah, dukungan daripada kerajaan, ulamā' khalaf menyokong kerajaan, aliran *al-Asyā'irah* sebagai aliran rasmi kerajaan, masyarakat umum beraliran khalaf dan bahan-bahan rujukan beraliran khalaf.

Kata Kunci; Imam Nawawi, Sifat Sifat Allah

¹ Ph.D. (Islamic Studies), Lecturer, College of Islamic Studies, Prince of Songkla University

² Profesor Madya Datok' Dr. (Penganjian Islam) University Sains Malaysia

Imam Al-Nawawi and Syarh Sahih Muslim: a Case Study on Sifat Allah

Abdulhadee Sabuding¹
Mohd Radzi Bin Othman²

Abstract

The study aims to study Imām al-Nawawī's biography, to identify his thoughts on the perspective of 'Aqīdah Islamiyah (Islamic faith), his methodology in explaining hadīth which is related to Sifat in Syarh Sahīh Muslim textbook, and factors impacted to his stand in ensuring his thought relating to 'Aqīdah Islamiyyah. This study was based on documentary research and data were collected from primary and secondary sources. The data were analysed through descriptive method by applying two significant principles i.e. the deduction and induction. The outcome of study shows that the development of 'Aqīdah Islamiyah (Islamic faith) of Muslims began with the thinking of Salaf which had been developed up to the first three centuries of Hijrah. The thoughts of Mu'tazilah, Qadariyah and Jahmiyah were also arisen. However, Salaf was developed after the third century to the fourth century, the thinking of Khalaf especially al-Asyā'irah and al-Māturīdīyah, and also the thinking of Tafwid, were occurred. Actually, the appearance of Khalaf was not consistent to the thinking of Salaf in a small number of 'aqīdah matters regarding to sentences on Sifat. Imām al-Nawawī was one of the scholars ('Ulama) in the Shāfi'ī school of thoughts in term of Fiqh while in term of 'aqīdah he held Asy'ari. He was known by Islamic communities as the pundit of hadīth since he owned the depth background in various core disciplines such as Mustalah, Lughah and Tarājim. Therefore, he produced several academic works on different fields, especially Syarh Sahīh Muslim. He described hadīth which was related to Sifat focus on Aqīdah based, dual methods which include Salaf and Khalaf of both. He copital emphasized mostly in the thinking of Khalaf. He demonstrated the evidences which were specifically referred to the Khalaf texts such as those written by al-Māziri, al-Qādī Iyād ect., without any comments. Among factors impacted his stand was; the role of various educational institutions(madrasah), strong support from the state, the Khalaf scholars (ulamā') themselves supported the state, al-Asya'irah as the formal school of the state, most people followed Khalaf and references based on the Khalaf.

Keywords : Imam Nawawi, Sifat Allah

¹ Ph.D. (Islamic Studies), Lecturer, College of Islamic Studies, Prince of Songkla University

² Profesor Madya Datok' Dr.(Islamic Studies) University Sains Malaysia

Imam Al-Nawawi dan Syarh Sahih Muslim: Satu Kajian Sifat-Sifat Allah

Pendahuluan

al-Hadīth ialah sumber agama Islām yang kedua selepas al-Qur’ān dan juga merupakan penjelasan bagi al-Qur’ān yang amat terang dan nyata. Penjelasaannya mencakupi setiap bidang; ‘aqidah, ibādah, mu‘āmalah, munākahah dan bidang-bidang lain yang berkaitan dengan urusan keagamaan dan keduniaan. Hal seperti ini berlaku pada zaman awal Islām iaitu zaman saḥābah, tābi‘īn, tābi‘al-Tābi‘īn dan atbā‘ tābi‘ al-Tābi‘īn dimana mereka meletakkan hadīth sebagai tempat sandaran hukum *syara’*. Kitab-kitab hadīth yang masyhur seperti kutub al-Sittah: Sahīh al-Bukhāri (w256H.), Sahīh Muslim (w261H.), Sunan Abū Dawūd (w275H.), Sunan al-Tirmidhiy (w279H.), Sunan al-Nasā’i (w303H.), Sunan Ibn Mājah (w273H.) dan lain-lain. Hadīth-hadīth yang terdapat dalam kitab-kitab selain dari Sahīh al-Bukhāri dan Sahīh Muslim didapati terbahagi kepada beberapa peringkat iaitu hadīth Sahīh, hadīth Hasan, hadīth Da‘if dan ada juga hadīth Maudū‘.

Matan hadīth dalam kitab-kitab hadīth tidak ada syarahannya seperti *matan* Sahīh al-Bukhāriy, *matan* Sahīh Muslim, *matan* sunan Abū Dawūd dan sebagainya, maka perlulah kepada syarah dan penerangan lanjut. Oleh yang demikian, ada dalam kalangan para ulamā’ hadīth yang merasakan bahawa syarah hadīth adalah sangat penting, bertujuan menjelaskan maksud dan kehendak hadīth, kemudian timbul pula kitab-kitab yang menghuraikan hadīth-hadīth dalam berbagai-bagai buku terkenal seperti: Fath al-Bāri Syarḥ Sahīh al-Bukhāri, karangan Ibn Hajar al-‘Asqalāniy (w852H.), al-Minhaj fī Syarḥ Sahīh Muslim, karangan imām al-Nawawī (w 676H.) dan seterusnya.

Permasalahan Kajian

Pada kurun pertama hingga kurun ketiga hijrah, umat Islam berpegang dengan ‘aqidah berdasarkan al-Qur’ān dan Sunnah. Setelah pembukaan bumi Islam yang meluas, Islam semakin tersebar dan bilangan penganutnya semakin bertambah, maka lahirlah beberapa pemikiran seperti Mu‘tazilah dan Qadariyyah yang bercampur-aduk di antara ‘aqidah dan falsafah, sebahagian daripada mereka cuba menghuraikan hadīth-hadīth yang berkaitan dengan ‘aqidah atau mentakwīl hadīth-hadīth berdasarkan logik akal (al-Asy‘ariy, 1409: 46) dan falsafah (al-Syahrastāniy, 1997: 160) serta menyetepikan konsep asas yang telah disampaikan oleh Nabi sebelum ini.

Kebanyakan orang pula waktu itu terpengaruh dengan sikap pendirian yang sedemikian kerana penyebarannya agak meluas dan ramai yang memandang serius sikap sedemikian hingga tersebar luas dalam masyarakat Islam dan berpanjangan sehingga menular ke seluruh masyarakat Islam. Dengan kebangkitan arus tersebut membawa kepada munculnya aliran atau golongan penentang yang mentakwilkan hadīth-hadīth yang berkaitan dengan sifat-sifat Allah iaitu aliran Asyā‘irah dan aliran al-Māturīdiyyah. Pentakwilan itu disebabkan kefanatikan mereka kepada tokoh-tokoh Mu‘tazilah sebelumnya seperti Abū Alī al-Jubbā‘i (al-Asy‘ariy, 1409: 46.). Aliran ini bukan tersebar luas dalam kalangan orang awam sahaja, namun ia juga tersebar dalam kalangan orang yang berpengetahuan agama.

Hal ini akan menyebabkan orang awam yang memang kurang pengetahuan tentang aliran tersebut, menjadi keliru: tidak tahu yang mana patut diikuti dan

yang mana patut ditinggalkan, yang mana benar yang mana palsu, dan huraian hadīth yang mana sahīh atau yang mana ḍaʿīf. Jumlah pengikut yang paling ramai ialah terdiri daripada orang yang mengikut secara membuta tuli. Sebenarnya ‘aqīdah itu amat jelas dan sangat nyata, tidak patut dikelirukan lagi. Oleh sebab berdasarkan akal dan falsafah dalam mempelajari ‘aqīdah terutamanya berkaitan dengan sifat-sifat ALLāh, maka berlakunya penyimpangan dari yang sebenar. Ciri-ciri ‘aqīdah seperti ini adalah jelas sejak awal-awal Islām.

Di antara ulamā’ yang berusaha memperbetulkan masalah ‘aqīdah dengan cara berpegang kepada hadīth Nabi dengan mensyarahkan hadīth mengikut aliran ulamā’ ahl al-Sunnah wa al-Jamā’ah ialah imām al-Nawawī. Beliau lahir dalam suasana arus pemikiran akal dan falsafah dan beliau salah seorang ulamā’ yang mempengaruhi minda masyarakat Islam zamannya. Menerusi buku-buku karangannya yang dianggap oleh masyarakat terutamanya beliau berjaya mensyarahkan kitab Sahīḥ Muslim. Buku-buku imām al-Nawawī diiktiraf oleh semua lapisan ulamā’ terdahulu dan sekarang. Walaupun imām al-Nawawī merupakan seorang ahli hadīth seperti yang dikemukakan dan pendiriannya lebih merit kepada aliran khalaf, tetapi ada mempersoalkan tentang aliran beliau dalam membuat huraian mengenai ‘aqīdah apakah ia mengikut aliran salaf atau khalaf (Masyhūr bin Hasan, 1993: 18). Di sini pengkaji ingin mengenal pasti dengan memahami aliran imām al-Nawawī dari segi ‘aqīdah dapat membantu perpecahan kerana dikalangan masyarakat Islam berpegang dengan kitab syarḥ Sahīḥ Muslim sedangkan mereka tidak memahami pendirian imām al-Nawawī terhadap ‘aqīdah terutama mengenai sifat-sifat ALLāh.

Ini permasalahan kajian untuk menyelesaikan permasalahan itu digariskan beberapa masalah yang dapat membantu pengkaji dalam usaha tersebut; apakah aliran imām al-Nawawī dalam mentafsir hadīth-hadīth berkaitan dengan ‘aqīdah salaf atau khalaf? fakta-fakta yang mendorong imām al-Nawawī dalam menentukan aliran pentafsiran hadīth berkaitan dengan sifat-sifat ALLāh? dan apakah metode imām al-Nawawī dalam menghuraikan hadīth berkaitan dengan sifat-sifat ALLāh?

Bertitik-tolak daripada pernyataan-pernyataan di atas, penulis merasakan penting suatu penyelidikan ilmiah dilakukan terhadap huraian ‘aqīdah yang diberikan oleh imām al-Nawawī dalam kitab Syarḥ Sahīḥ Muslim. Melalui penyelidikan ini diharapkan akan dapat menjelaskan hakikat ‘aqīdah yang diamalkan oleh al-Salaf al-Ṣāliḥ sebelum ini, dan aliran imām al-Nawawī juga akan terdedah dengan jelas.

Objetif Kajian

Kajian ini secara umumnya untuk mengkaji ‘aqīdah tentang sifat-sifat ALLāh dan huraian mengenai kitab Syarḥ Sahīḥ Muslim oleh imām al-Nawawī. Manakala tujuan kajian secara khusus pula dapat dirumuskan:

1. Untuk mengkaji riwayat hidup imām al-Nawawī dan mengenal pasti alirannya dalam bab sifat-sifat ALLāh.
2. Untuk mengkaji metodologi imām al-Nawawī dalam menghuraikan sifat-sifat ALLāh dalam kitab Syarḥ Sahīḥ Muslim.
3. Untuk mengkaji fakta-fakta yang mendorong imām al-Nawawī dalam menentukan alirannya mengenai sifat-sifat ALLāh.

Kepentingan Kajian

Kajian ini membicarakan aliran imām al-Nawawī yang terserlah dalam kitab syarḥ Sahīḥ Muslim, sehingga

sekarang alirannya itu dipersoalkan antaranya Abū Ubaydah Masyhūr bin Hasan (Masyhūr bin Hasan, 1993: 18) dan belum mendapat jawapan secara ilmiah. Kajian ini melibatkan kitab asas yang diperkatakan olehnya mengenai ‘aqidah tentang sifat-sifat Allāh secara jelas dan menyeluruh berbanding dengan kitab-kitabnya yang lain terutama kitab syarh Sahih Muslim.

Bukunya syarh Sahih Muslim diterima di peringkat dunia Islam termasuk Asia Tenggara Malaysia Indonesia dan Thailand khususnya di peringkat ulama dan menjadi kitab rujukan. Oleh demikian itu tajuk mengenai imām al-Nawawī adalah penting.

Ilmu al-Hadīth merupakan suatu ilmu bersifat praktikal mencakupi pelbagai bidang bagi keperluan hidup umat Islam sama ada berhubung urusan keagamaan mahupun keduniaan. al-Hadīth juga sebagai sumber hukum syara’ yang perlu difahami dengan jelas, terutama perkara-perkara yang berkaitan dengan ‘aqidah terutamanya tentang sifat-sifat Allāh mesti memahami secara mendalam kerana ia adalah asas bagi segala urusan.

Sebagai satu fenomena sejarah telah membuktikan bahawa urusan ‘aqidah termasuk sifat-sifat Allāh pada zaman Nabi dan ṣahābah berdasarkan pada al-Qur’ān dan al-Hadīth semata-mata. Dengan cara memahami daripada mantuq (lafaz hadīth) tidak cuba mengubah kepada yang lain (ta’wīl). Oleh sebab ‘aqidah yang betul memberi kesan kepada rohani dan jasmani seseorang Muslim yang dibuktikan oleh generasi awal masyarakat Islam kewibawaan mereka adalah bergantung kepada ‘aqidah semata-mata.

Walau bagaimanapun urusan ‘aqidah tentang sifat-sifat Allāh masih berkembang menurut dasarnya yang tulen, sehingga pada kurun yang kedua

berlakunya penyelewengan dari segi ‘aqidah tentang sifat-sifat Allāh berdasarkan pada hadīth-hadīth maudū‘, dan falsafah, maka muncul kaum Mu‘tazilah, Qadariyyah, Jabāriyyah dan Jahmiyyah (Mustafa Hilmī, 2005: 91).

Dengan yang demikian, umat Islam mula berpihak kepada golongan yang dirasakan betul menurut pandangan masing-masing walaupun bertentangan dengan penjelasan al-Qur’ān dan al-Hadīth sekalipun. Dari sini keluarlah aliran penghuraian ‘aqidah tentang sifat-sifat Allāh kepada dua aliran; satu golongan berpegang dengan asal yang terkenal dengan aliran salaf dan satu golongan yang lain pula cuba mentakwilkan ayat-ayat al-Qur’ān berdasarkan akal-fikiran (al-Asy’ariy, 1409: 46) dan falsafah yang terkenal dengan aliran khalaf.

Skop Kajian

Kajian ini adalah suatu kajian dokumentari dengan memberi penumpuan sepenuhnya kepada kajian kepustakaan. Kajian ilmiah ini hanya tertentu kepada persoalan ‘aqidah imām al-Nawawī tentang sifat-sifat Allāh dalam kitab Syarh Sahih Muslim dan alirannya dalam menghuraikan hadīth-hadīth yang berkaitan dengan sifat-sifat Allāh dalam kitab syarh Sahih Muslim.

Sebenarnya terdapat banyak Syarh Sahih Muslim namun pengkaji memilih kitab Syarh Sahih Muslim, syarahan imām al-Nawawī untuk dikaji mengenai sifat-sifat Allāh. Hal ini disebabkan oleh ketokohan imām al-Nawawī sebagai ulama’ yang pakar dalam bidang hadīth dan huraian-huraian termasuk hadīth mengenai sifat-sifat Allāh. Selain itu sambutan kitab Syarh Sahih Muslim imām al-Nawawī dianggap sebagai rujukan primer dalam kalangan masyarakat Islām di rantau Asia umumnya dan khususnya di Thailand. Malahan kitab Syarh Sahih Muslim

diiktiraf oleh masyarakat Islam seluruhnya.

Salain daripada itu, kajian ini juga membincangkan tentang metode huraian hadith-hadith sifat yang di ikuti oleh imām al-Nawawī dalam syarḥ sahīh Muslim. Di sini dapat disimpulkan bahawa perbincangan dalam kajian ini ditumpukan kepada ‘aqīdah tauhid berkaitan dengan sifat-sifat ALLāh dan metode huraian hadith-hadith sifat.

Metodologi Kajian

Untuk mengenal pasti metodologi kajian, perlu diterangkan secara terperinci mengenai reka bentuk kajian, pengumpulan maklumat dan kaedah analisis data yang digunakan.

1. Reka Bentuk

Kajian ini adalah kajian kepada kepustakaan dengan menumpukan terhadap kitab Sahīh Muslim syarḥ imām al-Nawawī dari sudut ‘aqīdah. Tahap penulisan kajian akan dimulakan dengan mengumpulkan data-data, pemilihan data yang boleh dipercayai dan diakhiri dengan analisis berdasarkan data yang dikumpulkan.

2. Pengumpulan Data

Pada tahap pertama pengkaji akan memilih kitab asas bagi imām al-Nawawī iaitu: Sahīh Muslim syarḥ al-Nawawī dan kitab yang ada hubung kait dengan tajuk kajian, sama ada yang beraliran salaf ataupun khalaf.

Untuk memenuhi huraian mengenai aliran imām al-Nawawī dalam kajian ini, data-data kajian dibahagikan kepada dua bahagian seperti berikut:

a) Bahagian pertama adalah pengumpulan data-data untuk mendapatkan maklumat-maklumat mengenai pemahaman “‘aqīdah dalam kalangan ulamā” yang terdahulu sama ada pada zaman Ṣahābah, Tābi‘īn, Tābi‘ al-Tābi‘īn dan Aṭbā‘ Tābi‘ al-Tābi‘īn. Demikian juga pemahaman tentang

‘aqīdah dalam kalangan ulamā’ selepas kurun ketiga.

b) Bahagian kedua adalah melibatkan syarahan hadīth oleh imām al-Nawawī dalam kitab Syarḥ Sahīh Muslim yang berkaitan dengan ‘aqīdah tentang sifat-sifat ALLāh secara khusus.

3 Kaedah Analisis Data

Kajian ini adalah kajian kualitatif di samping itu kajian ini juga akan menggunakan dua kaedah asas iaitu; Pertama: kaedah deduktif digunakan untuk menghuraikan tajuk-tajuk berkaitan dengan ‘aqīdah sama ada terhadap pandangan dan sejarah berkenaan dari umum kepada khusus. Kedua: kaedah induktif digunakan dalam memenuhi pentafsiran imām al-Nawawī mengenai syarahan hadīth yang berkaitan dengan ‘aqīdah dari sudut khusus kepada umum.

4. Kesahan dan Kebolehan Kepercayaan

Kesahan pandangan ulamā’ dan kebolehan kepercayaan data-data yang berkenaan diperkukuhkan dengan meninjau kepada empat sudut seperti berikut:

1) Kajian Isnād, maksud di sini ialah Sahīh, Hasan, Da‘īf dan Maudū‘. Sehubungan dengan pengithbatan soal ‘aqīdah mesti diterima daripada riwāyat yang Sahīh dan Hasan semata-mata sebagaimana yang diamalkan oleh ulamā’ hadīth, ulamā’ ‘aqīdah dan pendakwah. Manakala Da‘īf dan Maudū‘ ditolak semata-mata (al-Nawawī, 1955: 7).

2) Analisis pandangan ulamā’ yang lebih hampir dengan nas, sebagai panduan berkata imām al-Syāfi‘ī “Apabila terdapat beberapa pendapat maka terimalah pendapat yang hampir dengan nas” (al-Qāsimiy, 1979: 467). Dalam huraian sifat-sifat ALLāh di antaranya terdapat ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah dan ahl al-Firaq.

3) Menyelidik penisbahan kata-kata ulamā’, apabila terdapat penisbahan

kata-kata ulamā', atau pengarang semestinya dirujuk sebaik-baik yang mungkin kepada naskhah asliyyah. Ini beramal dengan ucapan 'Abdullāh bin al-Mubārak beliau menyatakan: "Sebahagian keberkatan ialah merujuk kata-kata kepada tuan ampunya (al-Sakhāwiy, 1987: 1/278).

4 Perbincangan

Kajian ini menggunakan kaedah deduktif dan induktif bagi memantapkan perbincangan terhadap segala data. Pandangan-pandangan ulamā' diselidiki dari kesahan sama ada boleh diterima ataupun perlu ditolak. Sesuatu perbandingan dijalankan terhadap pandangan ulamā' berkaitan masalah-masalah yang dikaji bagi mengithbatkan sifat-sifat ALLāh atau maklumat yang dianalisis dalam tiap bab sebelumnya.

Kesimpulan Dan Penemuan

Daripada kajian yang berkaitan pengkaji dapat merumuskan hasil kajian dan penemuannya seperti berikut:

1. 'Aqīdah Umat Islām Dan Perkembangan

'Aqīdah Islām ialah 'aqīdah yang berasaskan kepada wahyu daripada al-Qur'ān dan al-Hadīth. Al-Qur'ān adalah sumber asas bagi 'aqīdah Islām dan hadīth sebagai penerangan secara terperinci kepada al-Qur'ān. 'Aqīdah dari al-Qur'ān dan al-Hadīth dianggapkan sebagai 'aqīdah sahīh secara yakin tidak ada yang lebih sahīh daripada 'aqīdah ini. Justeru, itulah 'aqīdah Nabi dan 'aqīdah sahābah semasanya, namun apabila berlaku penyelewengan berkaitan dengan 'aqīdah yang digambarkan oleh al-Qur'ān dan al-Hadīth dianggap sebagai 'aqīdah bātil.

2. 'Aqīdah Dalam Kurun Pertama Hingga Kurun Ketiga Hijrah

'Aqīdah umat Islām sejak dari zaman RasūlulLāh hingga akhir kurun ketiga mengalami perubahan berkaitan

dengan asas 'aqīdah, perubahan dari sudut pemahaman dan manhaj. Secara umumnya 'aqīdah dalam tiga kurun ini boleh dikategorikan kepada 'aqīdah yang sahīh.

1) 'Aqīdah Yang Sahīh

'Aqīdah yang sahīh ialah 'aqīdah yang di'itiqād oleh RasūlulLāh dan dianuti oleh para al-salaf terdiri daripada sahābah, tābi'īn, tābi' al-Tābi'īn, atbā' tābi' al-Tābi'īn. 'Aqīdah mereka dianggapkan sebagai 'aqīdah Islāmiyyah yang sahīh kerana disabitkan daripada al-Qur'ān dan al-Hadīth malahan 'aqīdah mereka adalah 'aqīdah yang dominan pada masa itu.

a) 'Aqīdah RasūlulLāh

'Aqīdah RasūlulLāh adalah 'aqīdah al-Qur'ān sama ada 'aqīdah imān, 'aqīdah tauhid dan 'aqīdah walā' dan barā' Baginda beramal berdasarkan zahir ayat tanpa takwīl, tasybīh, ta'tīl dan tahrīf.

b) 'Aqīdah Sahābah

Para sahābah berpegang pada 'aqīdah berteraskan kepada keterangan al-Qur'ān dan huraian lanjut daripada hadīth sebagaimana 'aqīdah RasūlulLāh, mereka memahami 'aqīdah dari wahyu mengikut seadanya tanpa tasybīh, ta'tīl, tahrīf dan takwīl. Cara para sahābah ber'aqīdah ialah sebagaimana mereka menerima cara ber'aqīdah dari RasūlulLāh dalam ketiga-tiga bahagian 'aqīdah: 'aqīdah imān, 'aqīdah tauhid dan 'aqīdah walā' dan barā' termasuk juga 'aqīdah syirik dan kuarafat.

c) 'Aqīdah Tābi'īn, Tābi'al-Tābi'īn, Atbā' tābi'al-Tābi'īn

'Aqīdah golongan tābi'īn hingga golongan atbā' tābi'al-Tābi'īn sebagaimana 'aqīdah RasūlulLāh dan para sahābah. Ini disebabkan mereka menerima hal 'aqīdah dan cara i'tiqād secara warisan dengan menerima secara langsung di antara mereka. Dengan cara ini menunjukkan sistem penerimaan ilmu mengenai 'aqīdah dan lain-lain

adalah amat mengesankan terhadap pemikiran, pandangan dan pelaksanaan.

2) 'Aqīdah Yang Menyeleweng

Dalam tiga ratus tahun pertama muncul beberapa 'aqīdah yang menyeleweng tentang sifat-sifat ALLāh antara lain Syī'ah, Khawārij, Qadariyah Jahmiyah dan Mu'tazilah.

3. 'Aqīdah Dalam Kurun Keempat Hingga Kurun Ketujuh Hijrah

Dalam masa empat kurun iaitu bermula dari kurun empat hingga ke kurun ketujuh terdapat perkembangan 'aqīdah seumpama masa sebelumnya. Keadaan seperti ini berlarutan hingga ke zaman imām al-Nawawī terutama pemahaman 'aqīdah berpecah kepada beberapa aliran. Sebahagian daripadanya masih tetap di atas pegangan generasi awal pada tiga kurun pertama yang dikenali dengan aliran salaf dan ada juga yang berlainan dari 'aqīdah salaf dikenali dengan aliran khalaf iaitu mentakwilkan ayat *mutasyābihat*.

1) 'Aqīdah Salaf

'Aqīdah salaf bermaksud dengan 'aqīdah salaf sebelumnya, pada kurun ke empat hingga kurun ketujuh orang Islām sebahagian masyarakat Islām menganut 'aqīdah salaf dari segi manhaj. Mereka itu ber'aqīdah dengan 'aqīdah RasūlulLāh sahābah, tābi'īn, tābi'al-Tābi'īn, atbā' tābi'al-Tābi'īn dari segi pemahaman dan pegangan terhadap 'aqīdah tentang sifat-sifat ALLāh. Golongan ini menerima sistem ber'aqīdah secara berterusan dalam bentuk talaqqi sebagaimana yang diamalkan oleh generasi sebelumnya. Antara tokohnya: Ibn Khuzaimah (w311H.), al-Ājurriy (w360H.), al-Ismā'īliyy (w371H.), al-Lālakā'ī (w418H.), al-Sābūniyy (w449H.), al-Asbahāniyy (w535H.), al-Maqdisiyy (w600H.).

2) 'Aqīdah Khalaf

Yang dimaksudkan dengan 'aqīdah khalaf ialah 'aqīdah yang muncul

selepas tiga ratus tahun pertama. 'Aqīdah khalaf dibimbing oleh beberapa orang ulamā' yang dinisbahkan kepada pengasasnya. Kemudian penisbahan kepada mereka itu menamakan tersendiri al-Asyā'irah dan al-Māturīdiyyah.

a) 'Aqīdah al-Asyā'irah

al-Asyā'irah iaitu pengikut imām Abū Hasan al-Asy'ariyy semasa beliau berpegang dengan aliran Mu'tazilah dan Kullābiyyah. Namun 'aqīdah golongan al-Asyā'irah adalah 'aqīdah yang ditonjolkan oleh imām Abū Hasan al-Asy'ariyy semasa beliau belum merujuk kepada 'aqīdah salaf. Hakikatnya aliran 'aqīdah al-Asyā'irah bukan semuanya menyalahi 'aqīdah salaf. Adapun ulamā' yang memperjuangkan 'aqīdah al-Asyā'irah di antaranya ialah Abū Bakr al-Bāqillāniyy (328-404H.), Abū Ma'ālī al-Juwayniyy (419-478H.), al-Ghazālīyy (450-505H.) dan al-Rāziyy (544-606H.).

b) 'Aqīdah al-Māturīdiyyah

Ialah satu golongan yang lahir pada kurun ke empat bertempat di Warā' al-Nahar. Golongan ini dipelopori oleh Abū Mansūr al-Māturīdiy.

Metode Khalaf Dalam 'Aqīdah

1) 'Aqīdah khalaf dalam mengithbat sifat-sifat ALLāh sebagaimana ada dalam al-Qur'ān dan al-Sunnah kecuali sifat-sifat ALLāh yang dianggap sebagai *mutasyābihāt*. Ini bertujuan supaya tidak menggambarkan ia menyerupai dengan sifat-sifat makhluk. Dengan demikian, mereka mewajibkan takwil dengan alasan sebagaimana di atas sama ada golongan al-'Asyā'irah mahupun al-Māturīdiyyah.

2) 'Aqīdah khalaf dalam mengithbat sifat-sifat ALLāh sebagaimana ada dalam al-Qur'ān dan al-Sunnah dengan cara mengamalkan takwil dengan makna memalingkan dari makna *rājiḥ* kepada makna *marjūḥ* terutama sekali terhadap ayat-ayat yang dianggap sebagai

ayat *mutasyābihāt* dan ditanggung makna *majāz*.

3) ‘Aqīdah khalaf dalam mengithbat sifat-sifat AILāh sebagaimana ada dalam al-Qur’ān dan al-Sunnah. Kecuali nas-nas yang bertentangan dengan akal mendahului akal daripada nas.

c) ‘Aqīdah Tafwīdh

Ialah satu golongan yang menyerah makna ayat al-Quran dan hadith mengenai sifat-sifat AILāh yang dikehandaki(murād) kepada ilmu AILāh. Adapun hambanya mentafsirkan nas tersebut dengan kata “AILāh A’lam bi Murādihi” tidak memahami maknanya dengan ini sifat-sifat AILāh ditafsirkan mengikut umum.

d) ‘Aqīdah Yang Menyeleweng

‘Aqīdah yang menyeleweng daripada ‘aqīdah salaf dianggap juga sebagai ‘aqīdah yang tidak sahīh oleh kerana menyalahi dengan ‘aqīdah Rasūlullāh, sahābat, tābi‘īn, tābi‘al-Tābi‘īn, atbā‘ tābi‘ al-Tābi‘īn ‘aqīdah menyeleweng. Terdiri daripada golongan Khawarij, Syī‘ah, Qadariyyah, Jahmiyyah, dan Mum‘tazilah. Golongan itu mempunyai ‘aqīdah tersendiri sebagai contoh seperti berikut: Khawarij berpegang bahawa AILāh tidak mengetahui sesuatu perkara melainkan setelah wujudnya, Syī‘ah berpegang bahawa menamakan imām-imām mereka dengan nama-nama AILāh dan sifat-sifatNya, Qadariyah berpegang bahawa AILāh tidak di atas ‘Arasy, Mum‘tazilah berpegang bahawa al-Istiṭwā’ dengan makna al-Istaulā (perintah) dan al-Yad mentakwilkan dengan makna nikmat, al-Jahmiyyah berpegang bahawa AILāh tidak berada di atas langit bahkan AILāh itu berada di mana-mana sahaja.

Golongan tersebut tidak berhenti pada masa salaf sahaja malahan ‘aqīdah mereka berpengaruh di kalangan masyarakat Islām dari kurun empat

hingga seterusnya termasuklah masa imām al-Nawawī.

2. Riwayat Hidup Imām al-Nawawī dan Alirannya Dalam Bab Sifat-Sifat AILāh

1) Imām al-Nawawī ialah Muhy al-Dīn Abū Zakaria, Yahyā bin Syaraf bin Mirrā bin Hasan bin Husain bin Muhammad bin Jum‘ah bin Hizām al-Hizāmiy al-Nawawiy, nisbah kepada Nawā, ialah satu kampung yang terletak di Haurān kawasan Dimasyq Syām. Berdasarkan nama tempat itulah beliau dikenali dengan al-Nawawī, beliau bermazhab al-Syāfi‘ī dan sebagai tokoh ulamā’ dalam bidang fiqh bermazhab al-Syīfi‘ī. Beliau digelar dengan “Muhy al-Dīn” yang bermaksud “Penghidup Agama” Kunyahnya Abū Zakariyā.

2) Sambutan masyarakat terhadap imām al-Nawawī sebagai salah seorang ulamā’ yang di sanjung tinggi oleh masyarakat semasanya dan generasi-generasi kemudiannya hingga kini.

3) Peranan dari sudut ilmiah beliau banyak menghasilkan karya-karya ilmiah. Beliau masyhur di bidang hadīth dan fiqh al-Syāfi‘ī dalam bidang ‘aqīdah ternyata bahawa imām al-Nawawī lebih terpengaruh dengan aliran khalaf yang merupakan arus perdana pada zamannya.

4) Karya-karya imām al-Nawawī adalah sangat banyak berbagai-bagai bidang di antaranya bidang: fiqh, usūl, mustalah, lughah seperti Riyāḍ al-Ṣaliḥīn, al-Manḥāj fī Syarḥ Ṣaḥīḥ Muslim bin al-Ḥajjāj, Rauḍah al-Ṭālibīn wa ‘Umdah al-Muttaqīn dan seterusnya.

5) Kitab Syarḥ Saḥīḥ Muslim mempunyai kedudukan yang sangat tinggi dalam masyarakat Islām sehingga sekarang. Ini dibuktikan oleh sejarah bahawa terdapat banyak para ulama’ sebelum imām al-Nawawī mensyarahkan, namun ia lebih muncul kerana lengkap dan sempurna jika di banding syarah-syarah Saḥīḥ Muslim yang lain

antaranya al-Māziriyy, al-Qādhī‘Iyādh dan Ibn Salāh.

3. Aliran Imām al-Nawawī Mengenai Sifat-Sifat ALLāh

Berdasarkan kepada huraian ternyata aliran imām al-Nawawī mengenai sifat-sifat ALLāh seperti berikut:

1) Mengenai sesetengah sifat imām al-Nawawī menerang secara jelas berpegang kepada aliran salaf di antaranya sifat Sāq di mana beliau membawa pendapat Ibn ‘Abbās.

2) Manakala pada sifat-sifat yang lain beliau beraliran khalaf di antaranya: *sifat al-Nuzūl* dengan makna rahmat, perintah dan turun malaikat, *sifat Sāq* dengan makna cahaya yang agung, *al-Usbu’* (jari) dengan makna *al-Iqtidar*, *sifat al-Nafs* dengan makna zat dan makna *al-Ghaib*, *sifat al-Qadam* (kakinya) dengan makna *al-Mutaqaddam* (tempat pijak), sifat tingginya ALLāh pada langit dengan makna atas langit, sifat datangnya ALLāh dengan makna datang pekerjaan ALLāh, *sifat Ghadhab* dengan makna menjauhi dari perkara yang di murka, sifat ketawa dengan makna redanya ALLāh dan lain-lain.

Ini jelas terbukti tersandar pada ucapan beliau sendiri semasa menghurai sifat-sifat tersebut bersandarkan kenyataan kepada al-Māziriyy dan Qādhī ‘Iyādh. Dengan maklumat berkenaan dapat ditegaskan dengan jelas aliran imām al-Nawawī mengenai ‘aqidah ialah Asy‘arī tambahan pula apabila beliau menghurai hadīth-hadīth sifat itu bersandarkan aliran salaf beliau berdiam diri. Sebaliknya apabila beliau menghuraikan aliran khalaf beliau menunjukkan dengan jelas persetujuannya. Berdasarkan maklumat-maklumat berkenaan dalam Syarh Sahīh Muslim mengenai ‘aqidah ternyata bahawa imām al-Nawawī mensyarahkan mengikut aliran Asy‘arah kerana beliau beraliran

Asy‘arah. Ini adalah selaras al-Yāfi‘ī, al-Tāj al-Subkiyy, al-Sakhāwīy dan Masyhur bin Hasan (anak murid al-Albānī) dan merupakan pendapat yang rājih.

4. Metode Huraian Sifat-Sifat ALLāh

Mengenai metodologi imām al-Nawawī dalam menghuraikan hadīth-hadīth tentang sifat-sifat ALLāh ialah:

1) Beliau menghuraikan hadīth-hadīth mengenai sifat-sifat ALLāh berdasarkan metode campuran dua aliran iaitu salaf dan khalaf, tetapi dengan memberi penekanan kepada aliran khalaf. Ini dapat di lihat dengan jelas apabila imām al-Nawawī membenteng hadīth-hadīth sifat dalam Syarh Sahīh Muslim di antara beliau berkata: “Hadīth ini adalah di antara hadīth-hadīth mengenai sifat ALLāh”. Dengan sebutan seperti ini menunjukan kepada aliran salaf, kemudian beliau membenteng pula aliran kedua iaitu khalaf serta memetik kata-kata ulamā’ khalaf sebagai sokongan kepada aliran itu.

2) Di samping itu imām al-Nawawī biasa beliau menghuraikan aliran salaf secara ringkas iaitu beriman mengikut zahir hadīth. Namun apabila menghuraikan mengenai aliran khalaf didapati beliau menghuraikan secara panjang lebar serta dikemukakan nas-nas yang di petikan dari rujukan aliran khalaf secara khusus dan beliau juga berpuas hati dengan kata-kata ulamā’ atau rumusan dari ulamā’ seperti al-Māziriyy, al-Qādhī‘Iyādh dan sebagainya, tanpa sebarang komenpun sesuatu.

5. Fakta-fakta Yang Mendorong Imām al-Nawawī Dalam Menentukan Alirannya Mengenai Sifat-Sifat ALLāh

Berdasarkan kajian ilmiah, terdapat beberapa fakta-fakta yang mendorong imām al-Nawawī kepada aliran khalaf al-Asy‘arah iaitu:

1) Peranan Madrasah

Salah satu fakta yang mendorongkan imām al-Nawawī kepada aliran khalaf (al-Asyā'irah) ialah peranan madrasah iaitu madrasah Nizāmiyya, al-Nifriyah dan al-Rawāhiyah terutama madrasah al-Rawāhiyah. Madrasah-madrasah ini adalah al-Syāfi'iyah kebanyakan ulamā' di madrasah yang berkenaan adalah dari ulamā' al-Syāfi'iyah yang beraliran al-Asyā'irah.

2) Dukungan Dari Kerajaan

Salah satu fakta yang mendorongkan imām al-Nawawī kepada aliran khalaf (al-Asyā'irah) ialah dukungan oleh kerajaan. Pemerintah pada waktu itu berjaya menggunakan ulamā'-ulamā' sebagai pendakwah memenuhi hasratnya dan kerajaan adalah beraliran khalaf (al-Asyā'irah) di antara kerajaan dengan ulamā' mempunyai hubungan rapat dari segi aliran al-Asyā'irah termasuk juga imām al-Nawawī.

3) Ulamā' Khalaf Menyokong Kerajaan

Salah satu fakta yang mendorongkan imām al-Nawawī kepada aliran khalaf (al-Asyā'irah) ialah ulamā' khalaf menyokong kerajaan. Kebanyakan para ulamā' pada zaman itu adalah khalaf (al-Asyā'irah) seperti al-'Aizz 'Abd al-Salām. Demikian juga mendorongkan imām al-Nawawī kepada aliran khalaf (al-Asyā'irah) seperti mereka.

4) al-Asyā'irah Sebagai Aliran Rasmi Kerajaan

Salah satu fakta yang mendorongkan imām al-Nawawī kepada aliran khalaf (al-Asyā'irah) ialah al-Asyā'irah sebagai aliran rasmi kerajaan. Dengan itu beliau beri'timād dengan maha guru al-Syāfi'iyah yang beraliran al-Asyā'irah kemudian aliran al-Asyā'irah di terima oleh kerajaan dengan demikian mengisytiharkan aliran rasmi kerajaan ialah al-Asyā'irah.

5) Masyarakat Umum Beraliran Khalaf.

Salah satu fakta yang mendorongkan imām al-Nawawī kepada aliran khalaf (al-Asyā'irah) ialah masyarakat umum adalah beraliran khalaf. Pada masa itu umumnya masyarakat Islām suka mempelajari 'aqīdah tawhid secara khalaf malahan ber'aqīdah sebagaimana aliran itu.

6). Bahan-bahan Rujukan

Salah satu fakta yang mendorongkan imām al-Nawawī kepada aliran khalaf (Asyā'irah) ialah asas pengajian yang sama madhhab iaitu al-Syāfi'iyah. Beliau beri'timād dengan ulamā' al-Syāfi'iyah yang dipelajari ilmu dari mereka itu termasuk juga karya-karya mereka seperti al-Qadhī 'iyādh dan lain-lain.

6. Pandangan dan Cadangan

1. Untuk Kajian Selanjutnya

1) Mengkaji metodologi huraian mengenai 'aqīdah dari kalangan ulamā' yang menggunakan metode seakan imām al-Nawawī di antara mereka al-Baihaqi dan lain-lain.

2) Mengkaji metodologi kitab-kitab rujukkan dalam huraian 'aqīdah dalam Syarh Sahih Muslim seperti metodologi al-Māziriy dan al-Qādhī 'iyādh.

3) Mengkaji dalam bentuk perbandingan di antara metode imām al-Nawawī dengan metode ulamā' salaf.

2. Cadangan Kepada Pembaca

1) Apabila membaca kitab imām al-Nawawī mengenai 'aqīdah sepatutnya mengkaji metode huraian dan sistem penulisan beliau sedalam-dalamnya, bukan berdasarkan kepada imām al-Nawawī sebagai ulamā' hadīth.

2) Apabila membaca penulisan imām al-Nawawī mengenai 'aqīdah sepatutnya mengadakan panduan dengan sumber asalnya atau muqābalah al-Nusakh.

Bibliografi

- al-Asy'ariy, 'Alī bin Ismā'īl(1409H). *al-Ibānah 'an Usūl al-Diyānah*, al-Madīnah al-Munawwarah: Jāmah al-Islāmiyah.
- Ibn Hajar, Ahmad bin Alī bin Hajar al-'Asqallāniy(1995a). *Taqrīb al-Tahdhīb*, Bairūt: Dār al-Fikr.
- Masyhur bin Hasan al-Sulaimān(1993). *al-Rudud wa al-Ta'aqubāt 'alā mā waqaa' li Imām al-Nawāwī fī Syarḥ Sahih Muslim min al-Ta'wīl fī al-Sifāt wa Ghairiha min Masāal al-Muhimmāt*, al-Riyādh: Dār al-Hijrah.
- al-Māziriyy, Muhammad bin 'Alī (1988). *al-Mu'lim bi Fawā'id Muslim*, Tunis: Dār al-Tunisiyyah.
- Muslim bin al-Hajjāj(1995). *Saḥīḥ Muslim Syarḥ al-Nawawī*, Bairūt: Dār al-Ma'rifah.
- Mustafā Hilmī(2005). *Manhaj Ulamā' al-Hadīth wa al-Sunnah fī Usūluddīn*, Bairūt: Dār al-Kutub al-Ilmiyah.
- al-Nawawī, Yahyā bin Syaraf (1995). *Sahih Muslim bi Syarḥ Imām Muhy al-Dīn al-Nawawī*, Bairūt: Dār al-Ma'rifah.
- al-Qāsimiy, Muhammad Jamāl al-Dīn(1979). *Qawā'id al-Tahdīth min Funūn Musthalah al-Hadīth*, Bairūt: Dār al-Kutub al-Ilmiyyah.
- al-Sakhāwiy, Muhammad bin 'Abd al-Rahmān bin Abī Bakr(t.t). *Tarjamah Syeikh al-Islām Abī Zakariya Yahyā al-Nawawī*, Misr: Makthūthāt al-Azhar al-Syarīf.
- al-Syahrastāniy, Muhammad bin 'Abd al-Karīm(1997).*al-Milal wa al-Nihal*, Bairūt: Dār al-Ma'rifah.